

**THE ART OF POETRY IN AQĪDAH EDUCATION: ANALYSIS OF THE TEXT OF NAZAM QAŞĪDAH LAGU ABYĀRĪ ABOUT DIVINITY**

**SENI SYAIR DALAM PENDIDIKAN AKIDAH: ANALISIS TEKS NAZAM QAŞĪDAH LAGU ABYĀRĪ TENTANG KETUHANAN**

Muhammad Firdaus Soleh<sup>i</sup> & Wan Haslan Khairuddin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Calon Sarjana, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah (PKUF), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). P103327@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah (PKUF), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). wanhaslan@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Nazam Qaşīdah Lagu Abyārī is a poem related to religious knowledge compiled by Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1291H/1874). He is a scholar who has inclusive thinking in spreading religious knowledge including to children. This Nazam is also compiled based on the needs of children. However, this nazam is composed in the form of poetry. Therefore, this study focuses on the extent to which this nazam is appropriate in children's religious education. In addition, text analysis will also be done on the divine. The writing of this article is based on qualitative research with the application of content analysis and historiography methods to writing materials related to figures and other related documents. The results of the study found that this nazam is a aqīdah text in the form of a poetry that compiled to help childrens and the general public memorize the texts of aqīdah quickly and effectively. Therefore, the language and techniques in this nazam text are simple so that it is easy for children to understand the content. The results of the text analysis also found that this nazam is suitable to be revealed to children and the general public because its content coincides with the Ahli Sunnah Waljamaah manhaj. In conclusion, Wan Sulaiman's approach needs to be emulated by every researcher in an effort to make the public understand aqidah.</i></p> <p>Keywords: 'Aqīdah, Education, Divinity, Poetry, Childrens.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Nazam Qaşīdah Lagu Abyārī merupakan sebuah syair berkaitan ilmu akidah yang disusun oleh Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1291H/1874). Beliau merupakan ulama yang memiliki pemikiran yang inklusif dalam menyebarkan ilmu agama termasuk kepada kanak-kanak. Nazam ini juga disusun berdasarkan kepada keperluan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, nazam ini disusun dalam bentuk syair. Oleh itu, kajian ini menfokuskan sejauh mana Nazam ini sesuai dalam pendidikan akidah kanak-kanak. Selain itu, analisis teks juga akan dilakukan pada bahagian ketuhanan. Penulisan artikel ini adalah berteraskan kajian kualitatif dengan aplikasi metode analisis kandungan dan pensejarahan terhadap bahan penulisan berkaitan tokoh serta dokumen lain yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa nazam ini merupakan teks akidah berbentuk syair yang disusun untuk membantu kanak-kanak dan orang awam menghafaz matan-matan akidah dengan cepat dan berkesan. Oleh itu, bahasa serta teknik penyampaian dalam teks nazam ini adalah ringkas supaya mudah untuk kanak-kanak memahami isi</i></p>

	<p><i>kandungannya. Hasil analisis teks juga mendapati bahawa nazam ini sesuai didedahkan kepada kanak-kanak dan orang awam kerana isi kandungannya bertepatan dengan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. Kesimpulannya, pendekatan Wan Sulaiman ini perlu dicontohi oleh setiap ilmuwan dalam usaha memahami masyarakat berkenaan ilmu akidah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Akidah, Pendidikan, Ketuhanan, Syair, Kanak-kanak.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Pada masa kini, kebanyakan ibu bapa mengabaikan tanggungjawab pendidikan anak-anak mereka pada usia awal kanak-kanak, ini disebabkan kurangnya pengetahuan tentang kepentingan penerapan dan pengajaran akidah kepada anak-anak sejak dari kecil. Selain itu, mereka juga tidak mengetahui isi kandungan pengajaran akidah serta bagaimana cara dan pendekatan terbaik untuk menerapkannya kepada anak-anak mereka khususnya di peringkat awal kanak-kanak. Antara kaedah terbaik dalam pendidikan anak-anak ialah melalui kaedah bercerita contohnya menceritakan tentang kisah yang terkandung dalam al-Quran dan sebagainya. Persembahan yang indah dan menarik dapat mendatangkan pengajaran yang amat baik dan memberi kesan mendalam kepada jiwa manusia (Muhammad Saleh, 1986:103). Hal ini sesuai digunakan dalam pendidikan akidah kanak-kanak kerana peringkat umur ini mereka memerlukan pengajaran yang mudah dan menarik. Oleh itu, teknik penceritaan tersebut akan memberikan kesan yang baik sekaligus menarik minat kanak-kanak untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu seterusnya mendedahkan mereka kepada soal jawab serta menggalakkan murid ke arah untuk berfikir (Kamarul Azmi & Siti Fauziyani, 2007:175).

Antara bentuk penceritaan yang boleh digunakan ialah menerusi syair. Syair atau dikenali juga sebagai puisi merupakan hasil kesenian persuratan atau kesusasteraan Melayu yang sudah lama wujud di tanah Melayu ini (Kamaruzzaman 1989: xxiii). Di antara penulis puisi zaman awal yang menulis puisi berunsur Islam ialah Kasmani Haji Arif. Antara puisi lama yang menceritakan tentang akidah Islam ialah puisi bertajuk "Melalui: Fikir, Mata, Telinga dan Lidahku". Puisi ini mengajak manusia supaya sentiasa berfikir, memerhati, mengamati dan mengawal diri melalui pencaindera yang dikurniakan untuk mengenali hakikat ketuhanan (Ahmad Kamal, Mohd Hanafi 1989: xxiii). Usaha menulis puisi tentang akidah ini turut dilakukan oleh ulama tanah Melayu kurun ke-20 antaranya Wan Sulaiman bin Wan Sidek.

## LATAR BELAKANG WAN SULAIMAN BIN WAN SIDEK

Wan Sulaiman merupakan tokoh ulama dari Kedah Darul Aman dan dilahirkan pada tahun 1291 Hijrah (1874M) di sebuah desa pedalaman iaitu Kampung Pulau Tengah dalam Mukim Padang Kerbau, Daerah Kota Setar. Sebenarnya Mukim Padang Kerbau sudah wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845M) Sultan Kedah yang ke-21. Salah seorang pembesar berpangkat "Orang Besar Lapan" bergelar Dato Maharaja Anggerahan pernah tinggal di sini. Pada zaman tersebut, sebuah bandar dibuka di kawasan ini pada tahun 1231 Hijrah (1816M) bernama Senara. Nama penuh tokoh ini ialah Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik Wan Aman bin Wan Su. Wan Su bergelar Temenggung Kolot Bukit Lada yang dikatakan berasal dari Pattani sementara ibunya Wan Tam binti Haji Abu Bakar adalah sepupu dengan Wan Hajar binti Wan Ismail, permaisuri Tuanku Sultan Kedah waktu itu. Susun jalur selasilah Wan Sulaiman ini adalah berketurunan bangsawan atau berdarah raja (Khairi et al., 2010: 2). Melalui syairnya, beliau menyebut (Wan Sulaiman, 1925:10);

Nama yang  
mengarang  
disebutkan

Sulaiman Sidek  
namanya itu

سليمان صديق نمان  
ايت

نام يغ مغارغ  
دسيوتكن

Negeri Kedah ia peranakkan	Besar di Makkah mencari mutu	بسر دمكه منچاري موتو	نگري قدح اي فرانفكن
----------------------------	------------------------------	----------------------	---------------------

Wan Sidek meninggal dunia ketika anaknya masih kecil dan beliau dikebumikan di Alor Merah, Alor Setar. Ibu Wan Sulaiman, Wan Tam sangat mementingkan pendidikan anak-anaknya. Oleh itu, Wan Tam berusaha memberikan pendidikan asas yang secukupnya kepada anaknya seperti belajar membaca surat-surat jawi dan muqāddam. Ketika usia 19 tahun Wan Sulaiman dihantar ke sebuah sekolah kepunyaan Haji Din sehingga lulus darjah tiga. Apabila berusia 12 tahun, Wan Sulaiman dihantar pula belajar membaca al-Quran dan pengetahuan agama Islam kepada Tuan Guru Haji Ismail yang berasal dari Kelantan. Selepas itu, Wan Sulaiman dihantar belajar bahasa Inggeris kepada Doktor Gomez iaitu seorang bukan Islam peranakan Ceylon yang membuka klinik perubatannya di Pekan Melayu. Tetapi disebabkan Wan Sulaiman agak nakal pada ketika itu dan sering dimarahi dan dipukul oleh gurunya, oleh itu beliau enggan untuk meneruskan pengajiannya kerana menganggap gurunya itu bangsa kafir. Sejak itulah beliau berazam untuk melanjutkan pelajarannya di Makkah (Khairi et al., 2010: 4).

Semasa di Makkah, Wan Sulaiman menerima pelajaran dalam pelbagai bidang ilmu seperti nahu, saraf, fekah, usul, bacaan qiraat tujuh dan lain-lain lagi daripada Haji Muhammad Salleh Kelantan, Haji Ahmad Haji Yūnus, Syed Zainuddīn Sembawa, Sheikh Muhammad Amin Ridzuan dan Syeikh Hassan al-Saidi. Dua orang guru beliau yang masyhur ialah Tuan Syeikh Muhammad Khayat yang terkenal pakar dalam bidang ilmu falakiah. Wan Sulaiman mendapat pengijazahan pertama dalam Tariqat Naqshabandiah Mujaddidiyyah Ahamdiyah melalui Syeikh Fakir Muhammad al-Bukhārī. Selain ulama tanah Arab, Wan Sulaiman turut belajar dengan beberapa orang tokoh ulama nusantara yang terkenal pada zaman itu antaranya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin Minagkabau, Syeikh Muhammad Mukhtar Bogor, Syeikh Abdullah Fahim, Sheikh Muhammad Said Linggi, Haji Ismail Labuk, Tuk bachok atau Haji Uthman Kelantan, dan Tok Kenali atau Haji Yusuf Awang. Walaubagaimanapun, pemikiran beliau banyak terpengaruh dengan Pemikiran Syeikh Fakir Muhammad al-Bukhārī (Khairi Mahyuddin 2015: 30).

#### LATAR BELAKANG NAZAM QAṢĪDAH LAGU ABYARI

Nazam Qaṣīdah Lagu Abyārī ialah sebuah karya berbentuk syair yang ditulis oleh Wan Sulaiman yang terdiri daripada 114 bait syair. Ini berdasarkan kepada kedudukan rima akhir yang sama pada setiap baris dalam setiap rangkap. Diceritakan bahawa Nazam ini disusun ketika dalam perjalanan menaiki kereta api ke Bangkok sewaktu mengiringi Tengku Mahmud (t.l.1292/1876). Karya ini selesai ditulis pada 3 Muharam 1344 Hijrah/1925 Masihi di Kampung Limbong Kapal, Kedah (Farid Zain 2016: 127). Pengenalan ringkas berkenaan Nazam Qaṣīdah Lagu Abyārī ini dapat dilihat melalui petikan di bawah (Wan Sulaiman 1925: 10);

Dinama pula Qaṣīdah ini	Qaṣīdah menyanyi lagu Abyari	قصيدة مياي لاگو ابياري	دنام فول قصيده اين
Hendak menyanyi dengan berani	Ingatkan Tuhan Khaliq al-Bari	ايغتنك توهن خالق الباري	هندق برپاي دغن براني
Di dalam kereta api mengarangkan dia	Waktu pergi ke Bangkok Siam	وقت فرگي كبعقوك سيام	ددالم كريتافاي مغيرغكن دي
Mengringkan Tengku Mahmud yang mulia	Ziarahkan putranya disana semayam	زيارهنك فتران دسان سمايم	مغيريغكن تغكو محمود يغ مليا
Ke Bangkok ia kerana putranya	Tiadalah bersama dengan dia	تياداله برسام دغن دي	كبعقوك اي كران فتران

Hanya saya dan khadamnya	Silu sunyi di dalam dada	سيلو سويي ددالم دادا	هان ساي دان خدامن
Dengan sebab kerana ini	Bertitah ia suruh mengarang	برتيتيه اي سوره مغارغ	دغن سبب کران اين
Jadi penghibur hati yang sunyi	Diharapkan jadi terang	هارفکن جادي ترغ	جادي فغييور هاتي يغ سويي
Tarikh mula mengarang ini	Hingga selesai dibayangkan	هغگ سلسي دبيانکن	تاريخ مولا مغارغ اين
Jadikan sebutan bagi lkhwani	Badan intiqali jadi peringatan	بعد انتقالي جادي فرايغاتن	جاديکن سبوتن باگي إخوانی
Seribu tiga ratus empat puluh empat	Hijrah nabi khairul anam	هجرة نبي خير الأنام	سريبو تيگ راتوس أمفت قوله أمفة
Terkena hari hari jumaat	Tiga haribulan Muharram	تيگ هاريبولن محرم	ترکنا هاري هاري جمعة
Tamatkan kalam dengan selawat	Atas nabi Mahkota kita	اتس نبي مهکوتا کيت	تمتکن کلام دغن صلوات
Sekalian keluarga dan sahabat	Dan segala mursyid kita	دان سگل مرشد کيت	سکلين کلوآگ دان صحابة

#### PENDIDIKAN AKIDAH MENERUSI SYAIR

Sejarah bermula pendidikan akidah menerusi syair ini wujud sejak 200 tahun yang lalu. Hal ini dibuktikan melalui penemuan sebuah naskah bertajuk Syair Asyikin yang bertemakan akidah Ahli Sunnah Wal Jamā'ah yang dijumpai di negeri Pahang. Syair ini ditulis oleh seorang tokoh ulama Melayu abad ke-18 yang bernama Shahibuddin. Syair ini mengajak masyarakat Melayu ketika itu supaya menentang segala bentuk ajaran yang menyeleweng serta berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Kemuculan syair Asyikin ini menunjukkan bahawa pendidikan akidah menerusi syair ini telah lama wujud di bumi Melayu (Utusan Malaysia, 2021: 17).

Syair ialah puisi lama Melayu yang mempunyai ciri karangan berangkap. Begitu juga pantun turut mempunyai ciri yang sama namun perbezaan syair dan pantun ialah pantun mempunyai pembayang maksud manakala syair tiada mempunyai pembayang maksud. Kebiasaan syair mengandungi empat baris dalam satu rangkap dan kedudukan rima akhir pada setiap baris dalam rangkap syair adalah sama iaitu dalam susunan a,a,a,a. Syair juga selalunya membawa kan cerita yang panjang atau sekurang-kurangnya ia bersifat cerita yang lengkap iaitu mempunyai permulaan dan ada pula pengakhiran. Jadi syair tidak berdiri hanya serangkap atau dua rangkap sebagaimana pantun. Setiap isi atau fikiran yang yang dikemukakan dalam syair sentiasa mempunyai hubungan atau berurutan (Aripin Said, 1994: 26).

Pendidikan akidah kepada kanak-kanak mestilah sesuai dengan jiwa kanak-kanak. Oleh itu antara cara untuk menarik minat mereka untuk mempelajari subjek akidah ialah menerusi nyanyian atau muzik (Utusan Malaysia, 2002: 6). Oleh itu kebanyakan teks akidah ditulis dalam bentuk syair. Walaubagaimanapun, terdapat tiga buah lagu atau irama yang terkenal semasa membaca syair. Antara lagu atau irama yang sering didengari di Nusantara ini ialah irama Selendang Delima, irama Siti Zubaidah dan irama Pahang Tua (Aripin Said, 1994: 32). Ketika dahulu, syair selalunya dibacakan pada waktu malam di kampung-kampung tertentu, terutama dalam majlis kenduri kendara. Syair yang panjang akan dibacakan berturut-turut malam lamanya. Pada masa ini majlis yang sedemikian ini sudah tidak ditemui lagi (Aripin Said, 1994: 32).

Teknik penceritaan antara kaedah yang telah digunakan oleh ulama dahulu dalam menyebarkan ilmu akidah antaranya Imam al-Ghazālī 1058M/450H (Wan Hasan, Kamarul Azmi 2019: 141). Kebanyakan teknik penceritaan berkaitan akidah adalah berbentuk puisi sama ada syair, gurindam dan nazam. Antara ulama di Nusantara yang berusaha menyampaikan ilmu akidah menerusi puisi-puisi ialah Shaykh Abd al-Raūf al-Fansūrī 1615M menerusi Syair Marifat, Suhaimi Hj. Muhammad menerusi Puisi Taman Takwa (2009M) dan Wan Sulaiman bin Wan Sidek menerusi Nazam Qasīdah Lagu Abyārī (1925). Nazam Qasīdah Lagu Abyārī antara puisi berbentuk syair tentang akidah yang mrfokuskan kepada pendidikan akidah kanak-kanak. Wan Sulaiman menyebut dalam syairnya seperti berikut (Wan Sulaiman, 1925: 9);

Memudahkan segala kanak-kanak	Lagi-lagi perempuan apatah lagi	لاگي ۲ فرمفوان افاته لاگي	ممودهکن سگل کانق ۲
Kedalam fuad ia terjumpa	Maulah bersungguh ambil harti	مأوله برسغگوه امبیل هر تي	كدالم فؤاد اي ترچمفأ

Setelah diteliti nazam ini, topik utama yang dibincangkan ialah tentang akidah. Penerapan nilai akidah mestilah dibentuk semenjak kecil lagi, bak kata pepatah Melayu 'Melentur buluh biarlah daripada rebungunya'. Pada peringkat awal ini, perkara yang perlu didedahkan kepada mereka ialah berkenaan rukun iman. Secara umumnya, rukun iman yang enam itu sendiri merupakan asas-asas akidah Islam. Namun begitu, perbincangan berkenaan rukun iman ini juga dapat disimpulkan kepada 3 asas utama iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib (Wahbah al-Zuhayli, 1998: 5-6). Jelas di sini bahawa Wan Sulaiman berusaha untuk menerapkan nilai akidah dalam diri kanak-kanak sejak kecil lagi bagi menjamin pegangan dan prinsip hidup mereka terjaga.

Berdasarkan kitab *Ihyā' Ulūm al-Dīn* pada fasal *Qawā'id al-Aqā'id* (al-Ghazālī, 2005: 343), Imam al-Ghazali menyebut pendidikan akidah kepada kanak-kanak pada peringkat permulaan mestilah dimulai dengan menghafaz yakni menghafal kandungan akidah semata-mata. Peringkat kedua, pelajar perlu diajar untuk menguasai isi kandungan akidah secara berperingkat kerana kefahaman mereka pada ketika ini adalah terhad. Seterusnya pada peringkat terakhir iaitu peringkat iqtikad. Peringkat ini para guru mesti memastikan palajar memahami seterusnya menghuraikan kepada mereka secara mendalam isi kandungan sehingga terbentuk akidah yang kukuh dalam diri pelajar. Tiga tahap ini menunjukkan bahawa Imam al-Ghazālī menekankan pendidikan akidah kepada pelajar peringkat awal umur lagi.

Pendekatan al-Ghazālī dalam pendidikan akidah kanak-kanak adalah sama seperti Wan Sulaiman sudut keutamaan untuk menghafaz teks akidah. Tujuan Wan Sulaiman menulis nazam Qasīdah Lagu Abyārī ini pun supaya kanak-kanak mudah dan senang untuk menghafaznya. Pada asalnya, Tuan Haji Ahmad bin Haji Hasyim Alor Merah telah meminta kepada Wan Sulaiman menulis dan menyemak semula Nazam ini untuk dibacakan serta dihafaz oleh kanak-kanak di taman asuhan seluruh negeri Kedah. Namun naskah asal Nazam Qasīdah ini tidak dijumpai di merata tempat walaupun di muzium dan arkib negeri sekalipun. Enam bulan selepas itu, barulah Nazam ini dijumpai oleh Ustaz Haji Shuaib bin Haji Usman, penyelia kelas al-Qurān Kota Setar ketika itu. Hasil usaha daripada mereka inilah Nazam ini dapat diselesaikan dan dimanfaatkan oleh para guru dan murid di seluruh negeri Kedah (Wan Sulaiman 1925: 3-4).

Tambahan lagi, nazam Qasīdah Lagu Abyārī ini juga dibacakan dengan menggunakan lagu atau irama Abyārī. Menurut Kamus The Twentieth Century Urdu=English Dictionary (1920), lafaz Abyari berasal daripada bahasa Urdu yang bermaksud menyiram atau sejenis burung merpati. Pun begitu, yang dimaksudkan Abyārī berdasarkan nazam ini ialah irama Abyārī. Bacaan syair berdasarkan irama Abyārī ini bertujuan untuk memudahkan kanak-kanak untuk menghafaz teks-teks tersebut. Menurut

satu kajian terperinci daripada Universiti Harvard mendapati bahawa tempoh proses pembelajaran bagi kanak-kanak bertambah mudah apabila mereka belajar dengan bermuzik. Keadaan yang sama berlaku pada orang dewasa (Seri Hayati 2010: 185). Oleh itu, puisi Nazam Qaṣīdah Lagu Abyārī ini dikarang dan disusun dalam bentuk syair supaya mudah dihafaz dengan baik.

Selain itu, Wan Sulaiman juga menulis karya lain berkenaan akidah iaitu risalah *Ayyuhā al-Ikhwān Ilā Dar al-Riḍwān Li al-Marḍāt al-Rahmān fī Taṣhīh 'Aqā'id al-Islām Wa al-Imān*. Hasil penelitian daripada nazam Qaṣīdah Lagu Abyārī dan *Ayyuhā al-Ikhwān* ini menunjukkan bahawa terdapat dua prinsip yang digunakan oleh Wan Sulaiman dalam pendidikan akidah kepada masyarakat iaitu mudah dan inklusif. Oleh itu, kebanyakan karyanya adalah nipis dan kecil dan bahasa yang digunakan juga adalah ringkas, terang serta istilah yang mudah (Khairi Mahyuddin, 2021: 227).

Menerusi syair ini juga, Wan Sulaiman mengharap karya ini dapat memberikan manfaat serta boleh membantu para guru dalam mendidik akidah anak-anak di taman asuhan di seluruh negeri Kedah khususnya (Wan Sulaiman, 1925: 4). Menurut beliau, kewajipan mengenal tuhan bukan khusus kepada orang dewasa sahaja, bahkan juga kepada kanak-kanak. Ibu bapa dan para guru harus mengambil peluang untuk memanfaatkan jiwa anak-anak dengan menerapkan keimanan yang teguh dalam diri mereka.

#### ANALISIS TEKS NAZAM QAṢĪDAH LAGU ABYĀRĪ TENTANG KETUHANAN

Berdasarkan penelitian, nazam ini terbahagi kepada tiga perbahasan utama iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib. Namun, pengkaji hanya menfokuskan pada bahagian ketuhanan sahaja kerana pengetahuan tersebut merupakan perkara asas dan utama yang perlu di tanam dalam jiwa kanak-kanak. Sepertimana firman Allah dalam surah Luqman ayat 13;

﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya: "Dan (Ingatlah) ketika Luqman Berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar" (al-Salāmah: 2018:335).

Berdasarkan ayat di atas menjadi dalil yang jelas bahawa perkara pertama yang perlu diterapkan kepada anak-anak ialah tidak mensyirikkan Allah. Perkara ini mesti didedahkan kepada anak-anak sebagai tunjang dalam membentuk suatu kehidupan yang sempurna bila dewasa nanti.

Wan Sulaiman memulakan syair dengan ucapan basmallah kemudian diikuti pujian-pujian kepada Allah s.w.t serta selawat ke atas nabi Muhammad s.a.w, keluarganya serta sahabatnya sepertimana berikut;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Puji dimula	Puji Selawat atas Rasul	فوجي صلوات اتس رسول	دغن نام الله فوجي دمولا
Keluarga sahabat yang dimulia	Ikutan kita lagi betul	ايكوتن كيت لائي بتول	كلوارك صحابت يث دمليا

Teks di atas menegaskan bahawa wajib mengikut sekalian nabi, keluarga dan sahabat baginda tanpa sebarang syak. Bahkan ulama usuluddin bersepakat menyebut bahawa kata-kata para sahabat nabi juga merupakan satu sumber daripada sumber-sumber syariat (al-Qudāh 1999: 16). Seterusnya Wan Sulaiman menyebut bahawa perkara pertama yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf ialah mengenal Allah s.w.t;

Kemudian daripada itu wahai saudaraku	Ketahui olehmu akan makrifat	كتاهوي اوليهمو اكن معرفة	وبعده يا اخواني
Pertama wajib dibayani	Mengenal Tuhan akan hakikat	مغل توهن اكن حقيقة	قرتام واجب دبياني

Terdapat tiga perkataan arab digunakan dalam rangkap di atas iaitu *ikhwānī*, *ma'rifat* dan *dibayānī*. Perkataan *ma'rifah* diambil daripada perkataan arab yang bermaksud mengenal. Sebab perkataan *ma'rifah* digunakan dalam rangkap ini adalah untuk memenuhi syarat penulisan syair iaitu memastikan kedudukan rima akhir pada setiap baris dalam rangkap adalah sama.

Berkenaan dengan *ma'rifah*, ulama Islam mempunyai pendapat masing-masing berkenaan hukum tersebut. Imam al-Haramayn menyebut berkenaan *ma'rifah* Allah seperti berikut (al-Qūṣī, 1984:22);

*"Sesiapa yang berusaha untuk mengenali penciptanya, jika ia mendapati bahawa penciptanya itu sebagaimana yang digambarkan oleh akal fikirannya maka ia adalah terdiri daripada golongan Mushabbihah dan jika ia dapati bahawa penciptanya itu tidak mempunyai apa-apa sifat maka ia adalah terdiri dari golongan Mu'attilah. Jika ia yakin kewujudan penciptanya serta ia mengakui kelemahan dirinya untuk mengetahui hakikat pencipta itu, maka ia adalah golongan yang mengesakan Tuhan (muwahhid)". Itulah yang dimaksudkan oleh kata-kata Abi Bakr (r.a) yang berkata: "Lemah daripada mengetahui itu adalah mengetahui".*

Manakala Imam as-Sānusi menyebutkan di dalam Matan Ummu al-Barāhīn (al-Hashīmī, 1999: 7-8);

*"Dan Wajib ke atas setiap mukallaf secara syarak untuk mengetahui apa yang wajib pada hak Tuhan kita Azza wa Jalla, apa yang mustahil atas-Nya dan apa yang harus bagi-Nya. Dan begitu juga, wajib ke atas mukallaf untuk mengetahui seperti itu juga (iaitu apa yang wajib, mustahil dan harus) pada hak para rasul".*

Menurut Imam an-Nawāwī (w.676H) dalam kitab Maqāṣid an-Nawāwī (al-Sha'ir 2001: 11) pula; *"Kewajipan pertama bagi setiap mukallaf adalah mengenal Allah".*

Berdasarkan huraian di atas jelas menunjukkan bahawa ulama Islam sama ada salaf mahupun khalaf bersepakat mengatakan bahawa perkara pertama yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf ialah mengenal Allah.

Selepas menyebut tentang *ma'rifah* Allah, Wan Sulaiman menyusun bait syair seterusnya dengan menyebut berkenaan sifat-sifat Allah sepertimana yang berikut;

Allah ada lagi sedia	Kekal ia tiada binasa	ككل ايا تباد بيناس	الله اد لاي سديا
Bersalahan ia bagi kita	Tiada semacam tiada berbangsa	تباد سماچم تباد بربغسا	برسالهن اي باكي كيت
Berdiri ia dengan sendiri	Esa ia tiada berbilang	اسا اي تباد بربيلغ	برديري اي دغن سنديري
Lagi kuasa ia dengan menjadi	Lagi berkehendak tiada menggalang	لاكي بركهندق تباد مغلغ	لاكي كواس اي دغن منجادي
Mengetahu ia lagi hidup	Mendengar ia lagi Melihat	مندغر اي لاي مليهت	مغتاهوي اي لاي هيديوث
Berkata ia tiada kelu	Sempurna cukup segala sifat	سمفرنا چوكف سكل صفات	بركات ۲ اي تباد دكلو

Merujuk petikan syair di atas, Wan Sulaiman menerangkan tentang sifat Allah dengan bahasa yang mudah iaitu Bahasa Melayu. Selain itu, ayat yang digunakan juga ayat yang mudah difahami tanpa memerlukan huraian yang panjang. Pendidikan akidah seperti ini membolehkan akidah dipelajari tanpa menggunakan dalil. Menurut al-Ghazālī, antara kelebihan atau kurniaan Allah kepada kanak-kanak adalah mereka dapat menerima akidah tanpa perlu menggunakan hujah atau dalil akal sama sekali. Penggunaan dalil hanya membebaskan dan tidak perlu pada peringkat awal (al-Ghazālī, 1998: 125-126). Hal ini adalah sangat sesuai diajar kepada kanak-kanak pada peringkat permulaan dengan cara hafalan, diikuti dengan fahaman dan selepas itu berpegang dengan akidah itu dan membenarkan apa yang terkandung di dalamnya.

Dari sudut susunan, setiap bait itu dilihat mempunyai hubungan dan kaitan antara satu sama lain sehingga terbentuk beberapa rangkap pantun yang sempurna tentang sifat-sifat Allah. Ini menunjukkan bahawa kemahiran Wan Sulaiman dalam penulisan syair selain membuktikan bahawa beliau mempunyai pemikiran yang tidak bercanggah dengan manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Selain itu, Wan Sulaiman juga menyusun sifat Allah seperti susunan ulama kalam lain antaranya meletakkan ada sebagai sifat wajib yang pertama bagi Allah. Kemudian beliau menyebut pula sifat-sifat yang wajib atas setiap mukallaf untuk menafikannya antaranya sifat sedia (tiada pemulaan), kekal (tiada pengakhiran), bersalahan ia bagi makhluk (tiada menyerupai sekalian makhluk), berdiri la dengan sendiri (tiada memerlukan yang lain) dan esa (tiada berbilang) (Wan Sulaiman, 1925: 5; al-Mazīdī, 1971: 56-58).

Kemudian beliau menyebut pula tujuh sifat berikutnya iaitu berkuasa, berkehendak, mengetahui, hidup, mendengar, melihat dan berkata-kata. Tujuh sifat ini juga dinamakan juga sebagai sifat ma'ānī iaitu beberapa sifat yang benar berdiri atau ada pada Zat Allah Ta'ala. Inilah pendapat jumhur kalangan ulama Ashā'irah dan Mātūrīdīah. Sebaliknya, pendapat Mu'tazilah seperti 'Alī al-Jubbā'īy dan Abu al-Jabbār Ahmad, menafikan sifat bagi Allah. Menurut mereka sifat dan zat Allah itu adalah sama (as-Sharfāwī, 2020: 166). Berdasarkan dua pendapat ini, Wan Sulaiman memegang kepada pendapat ulama Ashā'irah dan Mātūrīdīah. Kemudian Wan Sulaiman meneruskan syair dengan menyebut;

Dan harus pada haknya	Menjadi mungkin atau meninggal	منجادي ممكن اتاو منيغئل	دان هاروس قد حقن
Semata-mata dengan kurnianya	Sifat jalal lagi kekal	صفات جلال لاكي ككل	سمات ۲ دغن كورنياش

Perkara yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf yang berikutnya ialah mengenal perkara yang harus bagi hak Allah s.w.t (al-Quḍā, 1999: 23). Wan Sulaiman meletakkan sifat harus bagi Allah setelah selesai menyebut sifat-sifat yang wajib bagi Allah. Sifat harus merupakan sifat Allah yang terakhir yang disebut oleh beliau. Kemudian, Wan Sulaiman menyebut lagi;

Inilah iman iman kita	Pada haknya azza wa jalla	قد حق عز وجل	اينله إيمان إيمان كيت
Demikianlah iktikad, iktikad kita	Hingga sempurna masa ajal	هيغك سمفورنا ماس أجل	دمكينله اعتقاد اعتقاد كيت

Demikianlah i'tiqād yang perlu diterapkan dalam diri setiap mukallaf sejak kecil lagi. I'tiqād yang betul bagi memastikan akidah yang dipegang juga adalah sah. I'tiqād tersebut termasuklah kewajipan mengetahui sifat-sifat Allah iaitu sifat yang wajib bagi Allah iaitu sifat yang mesti ada padaNya. Kedua sifat-sifat yang mustahil bagi Allah iaitu yang mesti tidak ada padaNya dan yang ketiga adalah sifat harus bagi Allah iaitu sifat yang

mbolehkan Allah sama ada mengada atau meniada contohnya mengada atau meniada alam ini (al-Mazīdī 1971: 169).

Kesimpulan daripada bait-bait syair di atas dapat disimpulkan bahawa Wan Sulaiman mempunyai pemikiran yang bertepatan dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamā'ah. Bukti kenyataan ini berdasarkan kaedah Wan Sulaiman yang cenderung menghuraikan tentang ma'rifat Allah (kenal tuhan) melalui sifat-sifatNya sepertimana syair di atas. Wan Sulaiman seperti ulama ahli Sunnah yang lain, memulakan sifat Allah dengan sifat wujud, seterusnya sifat Qidam, Baqā', Mukhālafah lil Ḥawādith, Qiyāmuhu bil nafsih, Waḥdāniyyah, Qudrah, Irādah, 'Ilmu, Ḥayah, Sama', Baṣar dan Kalām. Inilah sifat yang disepakati oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamā'ah sama ada mazhab Ashā'irah mahupun Māturidīah (Al-Baghdādi 2015: 238). Oleh itu, ternafilah dakwaan mengatakan bahawa pemikiran Wan Sulaiman bertentangan dengan akidah sebenar.

## **KESIMPULAN**

Pendidikan akidah mempunyai beberapa tahap pelaksanaan. Tahap pertama merupakan tahap menghafaz (menghafal kandungan akidah semata-mata). Kemudian apabila ia sudah besar, kanak-kanak diajar memahami kandungannya sedikit demi sedikit, iaitu dengan dibentuk kefahaman menerusi cara mendedahkan pengertian isi kandungan akidah tersebut sedikit demi sedikit. Setelah itu diiktikadkan dengan penuh kepercayaan, iaitu kanak-kanak mendalami dan menghalusi isi kandungannya sehingga terbentuk akidah dalam diri kanak-kanak itu. Pendekatan ini yang diusahakan Wan Sulaiman dalam memastikan setiap lapisan masyarakat terlepas daripada tuntutan belajar ilmu fardū 'ayn terutamanya ilmu akidah.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an al-Karim

### **Kitab & Buku**

- Ahmad Kamal Abdullah, Mohd Hanafi Ibrahim. 1989. *Mengenangmu Puisi-Puisi Melayu Berunsur Islam 1933-1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Aisha Lemu, B. 1997. *Islamic Aqidah and Fiqh, A Textbook of Islamic Belief and Jurisprudence*. Chicago: Iqra' International Education Foundation.
- 'Alī Jumū'ah. 2012. *Ḥashiyah al-Imām al-Bayjūrī 'ala Jawharah al-Tawḥīd*. Mesir: Dar al-Salam.
- Aripin Said. 1948. *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- al-'Ashā'arī, 'Alī bin Ismail bin Abi Basyar. 1997. *al-Ībānah 'an 'Uṣūl al-Diyānah*. Husayn Mahmud: Dar al-Ansar.
- al-Baghdādi, 'Abdul Qahir bin Tahir. 2015. *al-Farq bayna al-Firaq*. Azhar: Maktabah al-Hadi al-Muhammadi.
- al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2005. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. Qahirah: Dar al-Bayan al-'Arabi.
- al-Ghazālī, Muhammad. 1967. *'Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kaherah: Muassasah al-Halabi wa Shirkah li al-Nashr wa al-Tawzi.
- al-Ḥashimī, Kamil Sheikh Muhammad. 1999. *Tejemahan al-'Aqāid al-Durriyyāh Sharah Matan as-Sanūsiyyah*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kamarul Azmi Jasmani & Siti Fauziyani Md Salleh. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Salleh. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Kamaruzzaman A. Kadir. 1989. *Puisi Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

- al-Mazidi, Al-Sheikh Ahmad Farid. 1971. *Kifāyah al-‘Awwām al-Musammāt Taḥqīq al Maqām ‘alā-Kifāyah al-‘Awwām fī ‘Ilm al-Kalām*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mohd Rosdi. 2011. *Ilmuwan Nusantara Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd.
- Muhammad Saleh, Samak. 1986. *al-Tadrīs li al-tarbiyyah al-Diniyyah*. Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Massriyyah.
- al-Quḍā, Nuh Ali Salman. 1999. *al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*. Jordan: Dar Ar-Razi.
- al-Qūṣī, ‘Abd al-Fadil. 1984. *Ḥawāmish ‘ala al-cAqāidah al-Nizamiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Tiba ‘ah al-Muhammadiyyah.
- Rosni Wazir. 2020. *Pendidikan Akidah Rasulullah s.a.w terhadap kanak-kanak berdasarkan hadith ke sembilan belas al-Arbain Al-Nawawiyyah*. Selangor: International Islamic University College Selangor.
- al-Salāmah, Samī Bin Muhammad. 2018. *Tafsīr Ibn Kathīr*. Nasyir: Dar Tayyibah
- al-Sharfawī, Anas Muhammad Adnan. 2020. *Sharah al-cAqāid An-Nasāfiyyah*. Damsyik: Dar Takwa.
- al-Sha’ir, al-Burhan Muhammad bin Badruddin. 2001. *Maqāṣid an-Naw*. Syam: Maktabah al-Ghazzali.
- Suwaid, Muhammad Nur. 1998. *Manhāj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifl*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Wahbah al-Zuhayli. 1998. *al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dar al-Fikr al-Munir, j. 27-28.
- Wan Hasan Wan Embong, Kamarul Azmi Jasmi. 2019. *Perspektif Baharu Dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia*. Skudai: Jasamax Enterprise.
- Wan Sulaiman Wan Sidek. 1925. *Nazam Qasidah Lagu Abyārī*. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri.
- Wan Sulaiman Wan Sidek. 1337H. *Ayyuhā Ikhwān ‘Ilā Dar al-Riḍwān li al-Marḍāti al-Raḥmān fī Taṣḥīḥ ‘Aqa’id al-Islām wa al-‘Imān*. Pulau Pinang: The United Press.

### Jurnal

- Abdul Rahman Mahmood, Wan Haslan Khairuddin. 2019. *Pendekatan Sheikh Dāwud al-Faṭānī dalam Menganalisis Permasalahan Sifat Dua Puluh*. ISLAMIYYAT 41(1) 2019: 99-108.
- Muhammad Khairi Mahyuddin, Zakaria Stapa, Faudzinaim Badarudin. 2019. *Wan Sulaiman b. Wan Siddik dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Dakwah Islamiah di Negeri Kedah*. Kertas Kerja Kolokium Pak Wan Sulaiman 2010 UKM. Bangi: Jurnal UKM.
- Khairi Mahyuddin. 2021. *Analisa Kritis Risalah Mizān Al-‘Uqala’ Wa Al-Udaba’ Pada Menyatakan Makna Syariat, Tarikat, Hakikat, Makrifat Menurut Syeikh Islam Negeri Kedah Wan Sulaiman Wan Sidek (1872-1935)*. Journal of Ifta And Islamic Heritage.

### Tesis & Disertasi

- Khairi Mahyuddin. 2015. *The Tawhidic Concept and The Practices of The Naqshabandiah Mujaddidiah Ahmadiyah Order According to Wan Sulaiman Wan Sidek*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Seri Hayati Husain. 2010. *Asas-Asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam*. Tesis Phd. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.

### Akhbar

- Utusan Malaysia. 29 Ogos 2002. *Muzik Merangsang Proses Pembelajaran*. h. 6.
- Utusan Malaysia. 17 Februari 2021. *Syair 300 tahun angkat ajaran ASWJ*. h. 7.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*